

SERAH TERIMA TUGAS KETUA CAWANG TADBIR KOLEJ TENTERA UDARA



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4036-serah-terima-tugas-ketua-cawang-tadbir-kolej-tentera-udara



ALOR SETAR, 23 Okt 18 – Perbarisan Serah Terima Tugas Ketua Cawang Tadbir Kolej Tentera Udara telah diadakan di Markas Kolej Tentera Udara. Upacara menandatangani dan penyerahan dokumen serah terima serta ambil alih tugas Ketua

Cawang Tadbir di antara Mej Mohd Rozali bin Abd Rahman TUDM dan Lt Kol Hamdan bin Ahmad TUDM telah disaksikan oleh Lt Kol Roslan bin Salam TUDM, Pegawai Laksana Kolej Tentera Udara.

Diakhir majlis ini Komandan KTU, Brig Jen Dato' Johnny Loh Kok Kong TUDM telah berbesar hati menyampaikan cenderahati kepada Mej Mohd Rozali bin Abd Rahman TUDM sebagai tanda kenangan di atas sumbangan dan bakti beliau ketika berkhidmat sebagai Ketua Cawang Tadbir KTU.